



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
ARAS 3, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6
PRESINT 5, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN 62200 WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA.
No. Telefon : 03-8870 6000 No. Faks : 03-8870 6885

NOTA KEPADA PENGARANG (Note to Editors)

KEPADA : SEMUA MEDIA
TARIKH : 4 SEPTEMBER 2026
**PERKARA : PROGRAM SANTUNI MADANI KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN
PENDIDIKAN TINGGI TAHUN 2026: KAMPUNG TENGAH, KLUANG,
JOHOR**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Tuan/Puan,

Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menganjurkan program tersebut di atas, sebagaimana ketetapan berikut dan juga di lampiran:

TARIKH : 5 SEPTEMBER 2026 (SABTU)
**LOKASI : PENTAS KECIL, MASJID JAMEK KAMPUNG TENGAH, KAMPUNG TENGAH,
KLUANG, JOHOR**
MASA : 11.00 PAGI
TETAMU : KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,
KEHORMAT YBHG. DATUK TS. DR. HJ. AMINUDDIN HASSIM

Bukan sekadar lawatan, Program Santuni MADANI KSU KPT Tahun 2026 membawa warga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) turun padang menyantuni komuniti Kampung Tengah, Kluang melalui pendekatan kebersamaan, gotong-royong, pendidikan, kesihatan, kecergasan dan sosioekonomi.

Program selama dua hari ini menghimpunkan KPT, institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan serta komuniti setempat dalam pelbagai aktiviti yang dirangka untuk mendekatkan kementerian dengan akar umbi.

Antara pengisian utama ialah Kenduri Rakyat dan Rewang Nasi Ambeng, perasmian serta ceramah khas agama, Semarak Subuh, pemeriksaan kesihatan, Jalan-jalan Jalur Gemilang sejauh tiga kilometer, brisk walk dan aktiviti senamrobik.

Turut diadakan ialah Bengkel Robotik dan Pertandingan FIRA Junior, sukaneka, permainan tradisional, perkhidmatan spa dan gunting rambut, pameran agensi, Jualan Rahmah serta aktiviti bersama komuniti.

Sehubungan itu, kerjasama rakan-rakan media untuk hadir membuat liputan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Tinggi**



Jemputan media ini disiarkan oleh **KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**. Sebarang pertanyaan sila hubungi **Ketua Komunikasi Korporat KPT, Encik Mohamad Hafizi Rosli**, di talian **018-322 7377**.

**ATUR CARA PROGRAM
SANTUNI MADANI KSU KPT TAHUN 2026**

05 SEPTEMBER 2026 (SABTU)	
5.45 pagi	Sesi 3: Semarak Subuh ➤ Solat Subuh berjemaah dan takzilah <i>Lokasi: Masjid Kpg. Tengah</i> <i>Kelolaan: Surau Ibbadurrahman</i>
6.45 - 7.00 pagi	Sesi 4: Nyanyian Lagu Negaraku dan Senamrobik <i>Lokasi: Dataran Masjid Kpg. Tengah</i> <i>Kelolaan: Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kpg. Tengah</i>
7.00 – 8.30 pagi	Sesi 5: Jalan-jalan Jalur Gemilang ➤ Pemeriksaan kesihatan peserta <i>briskwalk</i> ➤ Jalan-jalan Jalur Gemilang (sekitar Kpg. Tengah - 3.0 km) ➤ Penyampaian Peserta Pakaian Tercantik <i>Lokasi: Dataran Masjid Kpg. Tengah</i>
8.30 – 9.00 pagi	Sarapan Pagi <i>Lokasi: Anjung Masjid Kpg. Tengah</i>
9.00 pagi - 11.30 tengah hari	Sesi 6: Aktiviti Serentak () Bengkel Robotik dan Pertandingan FIRA Junior <i>Lokasi: Dewan Ibnu Sina</i> (a) Sukaneka tadika, pertandingan memanah, pertandingan dart, permainan tradisional <i>Lokasi: Dewan Ibnu Sina</i> (b) Perkhidmatan Spa, Mani-Pedicure, Gunting Rambut <i>Lokasi: Inap desa sebelah Masjid Kpg. Tengah</i> (c) Pameran Jabatan/Agensi <i>Lokasi: Tempat letak kereta Dewan Ibnu Sina</i> (d) Jualan Rahmah <i>Lokasi: Anjung Dewan Muafakat</i>
11.30 - 12.00 tengah hari	Sesi 7: Penutup ➤ Perasmian penangguhan Program Santuni MADANI KSU KPT Tahun 2026
12.00 tengah hari - 2.00 petang	➤ Makan tengahari/Solat Zuhur ➤ Aktiviti Pembersihan ➤ Minum Petang (<i>packed food</i>) ➤ <i>Check-out</i> penginapan ➤ Bertolak balik ke KPT
